

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: 14 Mac 2017 15:24
To: UUM - All Staff; CAS - EDML net
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Dr. Mohd. Isha bin Awang; Zairi Afandi bin Ishak
Subject: SEML MENERIMA KUNJUNGAN DARIPADA PENOLONG NAIB CANSOLOR UUMCAS



**Pusat Pengajian Pendidikan
dan Bahasa Moden**

SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES

Universiti Utara Malaysia



14 MAC 2017 / 15 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



SEML MENERIMA KUNJUNGAN DARIPADA PENOLONG NAIB CANSOLOR UUMCAS

SEML ONLINE : Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) telah menerima kunjungan pertama daripada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Huda binti Ibrahim, Penolong Naib Canselor UUM CAS bertempat di Bilik Mesyuarat Saujana. Kehadiran Penolong Naib Canselor UUM CAS ke SEML selama dua (2) jam itu telah diraikan oleh Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Prof. Madya Mejar Dr. Yahya Don, Profesor, penjawat serta pensyarah SEML.

Dekan SEML dalam aluan ucapan sempena Road Show PNC UUM CAS bersyukur ke hadrat Allah SWT. dan mengalu-alukan kedatangan Yang Berusaha PNC ke SEML. Dalam pertemuan ini, beliau telah memberi taklimat berkaitan dengan hala tuju SEML, penjenamaan semula SEML, penubuhan COE IETLE dan program akademik di SEML.

Manakala ucapan PNC, beliau sangat menghargai usaha yang telah dilakukan oleh pihak SEML. Menurut beliau SEML mempunyai hala tuju yang jelas terutama dari aspek penyelidikan, penerbitan dan program akademik khususnya program pasca siswazah. Menerusi perbincangan dua hala antara staf akademik SEML bersama PNC UUM CAS secara langsung dapat mengeratkan ukhwah dan perkongsian agenda universiti-pusat pengajian khususnya CAS.

Diakhir lawatan PNC UUM CAS, beliau mengharapkan semua warga SEML dapat menaikkan nama pusat pengajian yang terulung terutama dari aspek bidang pendidikan, penyelidikan, penerbitan dan perundingan bagi merealisasikan hasrat universiti selaras dengan amanat Naib Canselor Universiti Utara Malaysia 2017.

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.